



Amalan Guru Prasekolah Orang Asli Dalam Pengurusan Persekitaran Pembelajaran Berasaskan Nilai dan Amalan Masyarakat Orang Asli

Mohd Nazri Abdul Rahman¹, Muhammad Ridzuan Idris², Komalah a/p Apu¹ & Fauzi Hassan³

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya¹

Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu, Kelantan²

Institut Pendidikan Guru Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis³

Article Info

Received:

14 September 2019

Accepted:

25 September 2019

Publish

01 September 2020

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka amalan guru dalam pengurusan Persekitaran Pembelajaran berasaskan nilai dan amalan masyarakat Orang Asli yang disesuaikan dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan semakan 2017 bagi prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Responden merupakan guru prasekolah KPM dan dokumen/memorabilia hasil kerja murid-murid prasekolah. Dapatan temubual guru prasekolah KPM yang diperoleh disokong dengan maklumat melalui sesi pemerhatian dan analisis dokumen semasa sesi pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas. Hasil dapatan temu bual telah dibuat transkripsi secara verbatim dan kesimpulan yang dibuat berdasarkan analisis tema. Dapatan kajian menunjukkan amalan pengurusan persekitaran pembelajaran berasaskan nilai dan amalan masyarakat Orang Asli oleh guru pendidikan awal kanak-kanak memenuhi aspek pengurusan persekitaran pembelajaran seperti yang dihasratkan dalam pelaksanaan KSPK semakan 2017, namun penekanan kepada nilai dan amalan masyarakat Orang Asli masih berada kurang diaplikasikan. Dapatan menunjukkan guru prasekolah kompeten dalam pengurusan persekitaran pembelajaran yang mencakupi keselamatan dan kesihatan, susun atur bilik darjah dan ruangan pembelajaran. Walau bagaimanapun, guru masih menghadapi masalah untuk mengintegrasikan nilai dan amalan masyarakat Orang Asli. Guru juga menghadapi kesukaran untuk membentuk pengurusan ruangan pembelajaran seperti yang disarankan serta bentuk standard pentaksiran murid, seperti yang dicadangkan dalam pelaksanaan kurikulum semakan 2017. Dapatan kajian ini memberi impak positif terhadap corak amalan pengurusan persekitaran pembelajaran oleh guru prasekolah seperti yang disarankan dalam KSPK semakan 2017. Kajian ini mencadangkan agar penyebaran maklumat pengurusan persekitaran pembelajaran berasaskan nilai dan amalan masyarakat Orang Asli yang menyeluruh perlu dilaksanakan kepada guru untuk menyelesaikan isu yang timbul khususnya dalam Pendidikan kanak-kanak Orang Asli.

Kata Kunci: Pendidikan Orang Asli, Pendidikan Awal Kanak-kanak, KSPK2017

Pengenalan

Pendidikan prasekolah menyediakan pengalaman awal pembelajaran kepada kanak-kanak sebelum memasuki alam persekolahan formal. Atas kepentingan ini, program pendidikan prasekolah perlu disesuaikan dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Oleh itu, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017 telah menggariskan pengurusan pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah dengan memberi penekanan kepada pendidikan melalui aktiviti bersesuaian dengan perkembangan, pengenalan awal membaca, menulis, mengira dan menakul (4M). Selain itu, pengurusan pengajaran prasekolah juga mencakupi pemupukan kemahiran sosial, komunikasi dan penerapan nilai-nilai murni dalam diri setiap kanak-kanak.

Dalam konteks pendidikan prasekolah, pengurusan pengajaran melibatkan pembinaan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dalam bilik darjah bagi memperkembangkan minat serta sikap kanak-kanak untuk merancang dan bertindak sendiri ke arah pencapaian hasil pembelajaran yang disasarkan (Nazatulshima, 2013). Guru merupakan pemimpin bilik darjah yang berperanan mencorakkan suasana persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi kanak-kanak. Keberkesanan pelaksanaan kurikulum pendidikan bergantung kepada kefahaman serta kompetensi guru iaitu pelaksanaannya di sekolah (Ramli Abd Samat, 2011; Rosmah Abd. Ghani & Mariani Md Nor, 2014). Di Malaysia, seiring dengan perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan global, maka Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) turut mengalami perubahan demi perubahan. KSPK semakan 2017 mula dilaksanakan di semua prasekolah dan tadika pada Januari 2017. Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) semakan 2017 sejajar dengan usaha untuk mutu pendidikan awal kanak-kanak selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Kurikulum prasekolah kebangsaan telah diperkenalkan bermula dengan pengenalan Garis Kurikulum Prasekolah Malaysia, 1986 sehinggalah KSPK Semakan 2010. Perubahan ini adalah bagi memastikan kualiti kurikulum prasekolah negara standing standard prasekolah antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang pertama telah dilaksanakan pada tahun 2003. Seterusnya melalui proses semakan dan penambahbaikan kurikulum standard prasekolah kebangsaan dilancarkan pada tahun 2010. Pada tahun 2017, sekali lagi kurikulum prasekolah mengalami perubahan menerusi pelaksanaan KSPK Semakan 2017 yang telah dikuatkuasakan kepada semua prasekolah kebangsaan dan tadika. Rasional semakan kurikulum ini adalah untuk memastikan kurikulum yang holistik, mengikut keperluan semasa serta ada kesinambungan dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Persoalannya, sejauh mana reaksi guru prasekolah Orang Asli menerima dan melaksanakan perubahan demi perubahan khususnya pengurusan persekitaran pembelajaran berasaskan nilai dan amalan masyarakat Orang Asli? Adakah perubahan hanya berlalu dalam kurikulum dan tidak kepada pengabungjalinan dalam nilai dan amalan masyarakat orang Asli untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif? Ini kerana, Laporan Jabatan Pelajaran Johor, 2011 mendapati guru perlu mempunyai pemahaman dan penghayatan yang tinggi dalam melaksanakan kurikulum dalam pengurusan persekitaran pembelajaran yang kondusif yang diterjemahkan melalui kepercayaan, nilai dan sikap guru.

Tambah membimbangkan, Laporan Pemeriksaan Khas Pendidikan Prasekolah Jemaah Nazir Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 mendapati masih terdapat guru prasekolah yang tidak melaksanakan kurikulum sebagaimana yang dihasratkan oleh kurikulum KSPK. Setelah lima tahun pelaksanaan KSPK 2010, masih terdapat sebilangan guru yang gagal untuk menyampaikan isi kandungan pengajaran serta

pedagogi yang seperti disarankan oleh KSPK Semakan 2010 (Chee et.al. 2015). Dapatan ini secara tidak langsung menjejaskan hasrat dan aspirasi pendidikan KPM untuk memastikan kurikulum yang dilaksanakan di prasekolah dapat memperkembangkan potensi kanak-kanak secara holistik. Maka, adalah penting untuk meneroka amalan guru dalam pengurusan persekitaran pembelajaran seperti mana yang digariskan dalam kurikulum KSPK Semakan 2017 yang mula dilaksanakan pada tahun 2017 bagi tujuan penambahbaikan dan meningkatkan penghayatan dan pemahaman guru khususnya di prasekolah Orang Asli.

Pernyataan Masalah

Pelbagai program, kajian dan usaha dijalankan, namun masih terdapat kanak-kanak yang tidak pernah bersekolah dan tercicir dari alam persekolahan khususnya anak-anak orang asli. Laporan Kementerian Pelajaran Malaysia (2010) menyatakan pada tahun 2009 sebanyak 125 080 orang kanak-kanak yang tidak bersekolah langsung dan majoritinya adalah kanak-kanak Orang Asli. bagi menarik minat serta menangani isu pendidikan anak-anak orang asli, KPM telah menyediakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Murid Orang Asli dan Penan (KAP). KAP dibangunkan berteraskan prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dengan pengubahsuaian daripada aspek kandungan yang disesuaikan dengan latar belakang dan sosiobudaya murid Orang Asli dan Penan. Sungguhpun begitu, *kurikulum ini tidak dijalankan dengan sempurna. Pemantauan mendapati guru-guru baru tidak diberi latihan mengenai penggunaan kurikulum ini, bahan pengajaran dan pembelajaran bagi Tahun 4 tidak dibekalkan* (JHEOA, 2011).

Manakala, Laporan Pemeriksaan Khas Pendidikan Prasekolah Jemaah Nazir Jalinan Kualiti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) mendapati guru prasekolah masih gagal melaksanakan kurikulum prasekolah seperti yang digariskan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2010. Selain itu, beberapa isu turut dikenal pasti dalam laporan ini antaranya kegagalan guru prasekolah membuat perancangan seperti yang digariskan dalam KSPK 2010; peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran yang tidak menepati kehendak KSPK, 2010; guru tidak mempunyai kompetensi untuk menjalankan pentaksiran murid dan penguasaan isi kandungan KSPK 2010 oleh guru adalah rendah. Kajian oleh Jain Chee, (2017) juga menunjukkan bahawa guru prasekolah tidak melaksanakan kurikulum KSPK 2010 kerana kurang jelas dan tidak menguasai kandungan terhadap kurikulum itu sendiri.

Meskipun terdapat banyak kajian ilmiah kajian dalam negara yang dijalankan terhadap pendidikan prasekolah, masih terdapat lompang dalam kajian lalu yang perlu diisi melalui kajian ini. Ini kerana kajian-kajian lepas mengkaji berkaitan keberkesanan pelaksanaan pengajaran oleh guru prasekolah (Berahim Hassan, Md. Nasir Ibrahim, Mohd Zaihidee Arshad & Jamilah Omar, 2003) khususnya di prasekolah Orang Asli; kesediaan Guru melaksanakan Kurikulum (Sanitah Mohd Yusof & Norsiwati Ibrahim, 2012; Tay Meng Guat, Kirar anak kepada Sare & Litat Bilung, 2015; Dayana Farzeeha Ali, Cheng Lee Yee & Mohd Nur Khafiz, Husin 2014; Kamaruzaman et al., 2011) dan tahap pengetahuan dan keprihatinan guru-guru terhadap pelaksanaan Kurikulum (Kang Mu Hui & Lim Hooi Lian, 2015).

KSPK Semakan 2017 telah memasuki tahun ketiga pelaksanaannya, namun kajian terhadap pelaksanaannya di prasekolah masyarakat Orang Asli masih terhad dan perlu dilaksanakan untuk tindakan penambahbaikan berterusan khususnya dalam memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak Orang Asli. Ini kerana kajian ini amat sangat sesuai untuk meneroka isu dan cabaran guru dalam melaksanakan kurikulum baru ini khususnya di prasekolah Orang Asli. Selain dapat menambahbaik serta mengambil tindakan segera untuk memenuhi kehendak kurikulum

kebangsaan dari perspektif guru sebagai agen pelaksana kurikulum dan juga meningkatkan kualiti pendidikan Orang Asli.

Limitasi Kajian

Kajian ini hanya berfokus kepada guru prasekolah Orang Asli di daerah Kuala Kubu Bharu, Selangor yang telah menghadiri taklimat berkaitan dengan pelaksanaan dan telah melaksanakan KSPK semakan 2017. Kajian ini juga hanya menggunakan beberapa orang guru dan pembantu guru yang ditemu bual kerana kaedah kajian adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan sampel bertujuan.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan KSPK semakan 2017 di peringkat dasar iaitu dalam kalangan guru prasekolah Orang Asli dalam aspek pengurusan persekitaran pembelajaran bagi menambahbaik pelaksanaannya khususnya di prasekolah Orang Asli. Justeru, kajian ini berfokus kepada refleksi guru prasekolah Orang Asli terhadap pengalaman mereka setelah melaksanakan KSPK semakan 2017. Bagi mencapai tujuan kajian ini, soalan kajian adalah:

“Apakah restrospeksi guru prasekolah Orang Asli terhadap pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017 dalam aspek pengurusan persekitaran pembelajaran berasaskan nilai dan amalan masyarakat Orang Asli?”

Tinjauan Literatur

Pendidikan prasekolah di Malaysia merupakan program pendidikan kepada kanak-kanak yang berumur 4-6 tahun. Tujuan utama program pendidikan Prasekolah antara lain menyediakan peluang pembelajaran kepada kanak-kanak sebelum mendapat pendidikan formal di memasuki Tahun Satu. Kualiti pengajaran dan pembelajaran pendidikan prasekolah amat bergantung kepada kualiti guru dan kurikulum yang digunakan. Maka, dalam pelaksanaan kurikulum prasekolah, guru perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran berkaitan perkembangan kanak-kanak pada pelbagai peringkat umur. Ini amat penting bagi memastikan guru berkeupayaan untuk mengubahsuai kurikulum mengikuti kesesuaian peringkat umur, kemampuan, kebolehan dan minat kanak-kanak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017

KSPK semakan 2017 memaparkan beberapa perubahan antaranya adalah penggunaan bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Ianya telah diperincikan dengan lebih jelas pembahagiannya serta keperluan aktiviti luar yang merangkumi aktiviti fizikal dan bermain bebas. Dalam aspek pengurusan persekitaran pembelajaran, pendekatan pembelajaran bersepadu telah diintegrasikan ke dalam aktiviti rutin seperti perbualan awal, semasa rehat dan semasa penutup serta sepanjang proses pembelajaran.

Pendidikan Orang Asli

Pembangunan pendidikan dan kemajuan murid Orang Asli perlu diambil perhatian berat oleh Kerajaan bagi memastikan ia seiring dengan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. Seperti mana yang diketahui umum, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi menangani isu-isu pendidikan murid Orang Asli khususnya penyertaan Murid Orang Asli sama ada di peringkat sekolah rendah atau menengah. Antaranya (JHEOA, 2009):

- (i) Meningkatkan kualiti kemudahan fizikal di sekolah sedia ada,
- (ii) Pelaksanaan Program Kelas Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Pribumi (KEDAP),
- (iii) Pelaksanaan Projek Rintis Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Murid Orang Asli dan Penan (KAP) dan
- (iv) Pengajaran Pedagogi Berasaskan Perspektif Pribumi.

Usaha ini adalah sejajar dengan matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) KPM yang bertujuan untuk memastikan setiap warganegara, tanpa mengira kaum dan status ekonomi, mendapat peluang pendidikan yang terbaik dari segi akses, ekuiti dan kualiti. Hasil program-program ini, Kementerian berjaya meningkatkan kemahiran 3M dan kemahiran sosial murid Orang Asli, meningkatkan jumlah murid Orang Asli yang menamatkan pendidikan sehingga peringkat menengah, iaitu peningkatan sebanyak 4 peratus pada tahun 2010, serta merapatkan jurang pendidikan bandar dan luar bandar. Dapatan yang memberangsangkan ini akan mendorong Kementerian Pelajaran untuk meneruskan program-program ini dengan lebih giat lagi agar manfaatnya dapat dinikmati secara berterusan. (Perutusan Khas Tahun Baru 2012, Kementerian Pelajaran Malaysia 2012).

Kajian-kajian Lepas

Terdapat beberapa kajian yang memberi perhatian khusus terhadap pelaksanaan kurikulum prasekolah di Malaysia. Antaranya kajian Habib Mat Som & Syed Kamaruzaman Syed Ali, 2011; Jabatan Pelajaran Johor (2011) yang mengkaji berkaitan faktor penghalang dan pendorong bagi guru-guru dalam pelaksanaan perubahan pendidikan. Menurut Jabatan Pelajaran Johor, (2011) kejayaan atau kegagalan penyebaran kurikulum dipengaruhi oleh sikap dan pemahaman guru terhadap kurikulum tersebut. Tambahan pula perubahan sesebuah kurikulum sering kali menyebabkan beban kerja guru semakin meningkat (Suriana Ismail (2012). Kesannya, guru mengalami stress stress dan seterusnya mempengaruhi tingkah laku dalam pengurusan persekitaran pembelajaran kanak-kanak.

Manakala kajian Habib Mat Som dan Syed Kamaruzaman Syed Ali (2011) pula memberi tumpuan kepada tiga faktor utama iaitu (a) faktor motivasi, (b) faktor sikap, dan (c) faktor kemahiran dan pengetahuan guru yang menjadi faktor yang memberi kesan terhadap kesediaan guru dalam pelaksanaan kurikulum.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan secara tinjauan yang berbentuk kualitatif. Kaedah ini bersesuaian dengan tujuan kajian untuk meneroka pelaksanaan KSPK semakan 2017 dalam kalangan guru prasekolah Orang Asli. Kajian retrospektif merupakan bentuk kajian yang meninjau kembali pengalaman responden bagi mendapatkan maklumat tentang apa yang telah berlaku satu ketika dahulu bagi

menjelaskan situasi ini (Shahrul Arba'iah Othman, Norzaini Azman, & Manisah Mohd Ali, 2008).

Persampelan

Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan atau kriteria, iaitu lokasi dan individu dipilih dengan sengaja untuk memahami fenomena utama kajian. Maka, Sampel kajian terdiri daripada 6 orang guru prasekolah dan pembantu guru prasekolah Orang Asli. Memandangkan peserta kajian terdiri daripada kumpulan yang sama, maka data telah dikutip dengan menggunakan pendekatan kualitatif pelbagai tempat.

Instrumen Kajian

Data dikumpul dengan membuat triangulasi kepada kaedah dan sumber. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual mendalam, pemerhatian, dan analisis dokumen. Sumber-sumber kepada data merupakan guru prasekolah KPM dan dokumen pengajaran dan pembelajaran. Temu bual secara separa terbuka telah dijalankan dengan guru prasekolah KPM terlibat. Soalan-soalan temu bual secara separa terbuka ini dipilih untuk mengetahui restrospeksi guru prasekolah Orang Asli terhadap pelaksanaan KSPK semakan 2017. Ia didapati sesuai dengan keadaan yang dialami di sekolah dan boleh digunakan untuk meneroka pelaksanaan KSPK 2017 oleh guru prasekolah dan pembantu guru prasekolah Orang Asli. Kaedah temu bual digunakan kerana pengkaji dapat meneroka pengalaman sebenar bersifat individu dan peribadi yang telah dilalui oleh para guru dan cuba memahami makna yang diberikan terhadap pengalaman tersebut (Shahrul Arba'iah Othman et al., 2008). Temu bual juga dapat memberikan data tentang buah pemikiran, apa yang diingati, sikap, perasaan dan sebagainya yang telah dilalui oleh para responden dalam pelaksanaan KSPK Semakan 2017.

Analisis Data

Hasil temu bual telah dibuat transkripsi secara verbatim. Dalam proses membaca dan menanda transkrip, petikan-petikan temubual yang menarik telah dilabel dengan tajuk-tajuk tertentu. Tajuk-tajuk yang sama atau hampir sama dikelompokkan dan diberi kod-kod tertentu dan dikategorikan. Setelah semua proses mengekod kategori selesai, kategori-kategori yang mempunyai hubungan telah diletakkan dalam kategori yang lebih luas untuk membentuk tema. Tema ditentukan kepada data tersebut berdasarkan tujuan kajian dengan mengambil kira tentang kesahan dan kebolehpercayaan data yang telah dikumpul untuk membentuk kesimpulan berdasarkan analisis tema.

Data lain yang menyokong atau mengukuhkan pandangan guru prasekolah ini telah diperoleh secara pemerhatian pelaksanaan kurikulum sewaktu kajian tinjauan dijalankan sendiri oleh penyelidik dan analisis dokumen yang berkaitan. Langkah pengekodan tema turut dilakukan terhadap catatan pemerhatian pengkaji dan analisis dokumen yang dibuat.

Dapatan Kajian

Dapatan analisis data daripada temu bual 6 orang guru prasekolah Orang Asli dan pembantu guru prasekolah Orang Asli, catatan pemerhatian pengkaji dan dokumen analisis tentang restrospeksi guru prasekolah Orang Asli terhadap pelaksanaan KSPK semakan 2017 dipersembahkan mengikut soalan kajian berikut:

“Apakah restrospeksi guru prasekolah Orang Asli terhadap pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017 dalam aspek

pengurusan persekitaran pembelajaran berasaskan nilai dan amalan masyarakat Orang Asli?"

Dapatan Kajian: *Restrospeksi Guru dan Murid Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017 dalam aspek pengurusan persekitaran pembelajaran berasaskan nilai dan amalan masyarakat Orang Asli*

Analisis temubual dengan 6 orang guru prasekolah Orang Asli dan pembantu guru prasekolah Orang Asli mendapati sebahagian besar iaitu 5 orang guru prasekolah Orang Asli dan pembantu guru prasekolah Orang Asli menerima baik perubahan yang dilakukan dalam kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017. Analisis dapatan menunjukkan guru prasekolah Orang Asli dan pembantu guru prasekolah Orang Asli mempunyai kompeten dalam pengurusan persekitaran pembelajaran yang mencakupi keselamatan dan kesihatan, susun atur bilik darjah dan ruangan pembelajaran. Namun, dapatan mendapati kesemua guru menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah dalam mengintegrasikan nilai dan amalan masyarakat Orang Asli dalam kurikulum sedia ada. Selaian itu, guru juga menyatakan bahawa mereka tidak jelas dengan konsep reka bentuk pengurusan ruangan pembelajaran yang dicadangkan dalam pelaksanaan kurikulum baru ini.

Pengurusan Persekitaran Pembelajaran: Keselamatan dan Kesihatan

Analisis menunjukkan hampir semua guru prasekolah yang ditemubual menerima secara positif perubahan dalam KSPK semakan 2017. Ini kerana mereka merasakan kurikulum semakan ini amat penting untuk perkembangan murid-murid prasekolah di bawah seliaan mereka. 5 daripada guru prasekolah Orang Asli dan pembantu guru Prasekolah Orang Asli yang ditemubual menyatakan bahawa pengurusan persekitaran pembelajaran dalam kurikulum semakan 2017 memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan kesihatan murid-murid. Menerusi kurikulum ini, banyak aktiviti pembelajaran boleh dijalankan diluar bilik darjah terutamanya main bebas, namun, sebelum pelaksanaannya, guru perlu memastikan aspek keselamatan dan kesihatan murid diberi keutamaan. Kenyataan berikut yang dibuat oleh Guru A menggambarkan hal ini.

"...Guru perlu memastikan persekitaran pembelajaran murid kondusif dan selamat sebelum melaksanakan sesuatu aktiviti..." (Guru A; T1:120)

Seorang guru yang lain, Guru C, pula menyatakan,

"... dalam KSPK ni, murid suka sebab banyak pergerakan, aktiviti kumpulan, interaksi, main secara bebas....tapi kami guru perlu memastikan keselamatan dan kesihatan murid diberi perhatian sepenuhnya sepanjang aktiviti pembelajaran berlangsung ..." (Guru C; T4:24)

Manakala Guru E pula seronok dan gembira dengan perubahan baru dalam KSPK Semakan 2017. Beliau menyatakan bahawa kurikulum baru ini memberi lebih peluang kepada guru untuk melaksanakan pelbagai aktiviti kreatif bersama murid-murid tetapi guru perlu pastikan muridnya selamat dalam menjalankan aktiviti pembelajaran.

"Saya sangat gembira dan seronok untuk mengajar menggunakan kurikulum baru ini. Walaupun kurikulum baru ini banyak aktiviti luar bilik darjah dan projek yang perlu dijalankan yang memerlukan guru peka terhadap keselamatan murid dalam melaksanakan pembelajaran...." (Guru D; T6: 30-35)

Pengurusan Persekitaran Pembelajaran: Susun Atur Bilik Darjah dan Ruangan Pembelajaran

Analisis temubual juga mendapati kesemua peserta kajian bersetuju bahawa susun atur bilik darjah amat penting untuk menjadikan PdP lebih berkesan dan menarik minat murid dalam melaksanakan KSPK Semakan 2017. Namun, rata-rata guru tidak dapat membezakan susun atur bilik darjah abad ke-21 dengan susun atur bilik darjah prasekolah mengikut saranan KSPK semakan 2017. Kenyataan berikut yang dibuat oleh seorang guru (Guru A) menggambarkan hal ini.

“Seronok laksanakan kurikulum baru ini cuma saya tak tau cam mana susun atur bilik darjah yang dicadangkan sebab masa taklimat bagaitau mesti ikut reka bentuk bilik darjah abad ke-21. Murid ada 25 orang, bilik kecil dan penuh dengan rak buku dan meja kerusi, bagaimana nak buat?” (Guru A; T1:27)

Selain itu, peserta kajian juga turut mengaitkan dengan isu perkakasan yang disediakan oleh KPM dahulu telah rosak, tidak dapat digunakan serta tidak mengikut spesifikasi yang digariskan dalam Standard Kualiti Pengurusan Prasekolah Kebangsaan. Malahan ada perkakasan ini mengambil ruangan yang terlalu besar dan tidak dapat digunakan sepenuhnya. Antara pandangannya:

“...pekakasan dan perabot yang sedia ada memakan ruang yang besar menyebabkan susun atur bilik darjah terhad dan memakan ruang....susun atur alatan mcm kerusi meja mengganggu untuk menjalankan aktiviti pembelajaran...” (Guru B; T3:31-35)

“...saya masih atur seperti dulu meja dan kerusi sebab itu yang sesuai dengan ruangan bilik yang ada serta ruangan sudut belajar seperti bahasa - membaca, sudut bermain dan bercerita. Tambahan perkakasan dan perabot baru tidak disediakan jadi bagaimana nak susun seperti kelas abad ke-21. Tambahan pula, saya sendiri tidak jelas bagaimana bentuk susun atur bilik darjah yang disarankan? Taklimat saya tak jelas bagaimana susun atur ruangan pembelajaran yang diperlukan...” (Guru D; T5:15-21)

Pengurusan Persekitaran Pembelajaran: Intergrasi Nilai dan Amalan Masyarakat Orang Asli

Isu intergrasi nilai dan amalan masyarakat Orang Asli dalam persekitaran pembelajaran prasekolah Orang Asli turut menjadi perhatian dalam pelaksanaan KSPK Semakan 2017. Dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan penyertaan murid Orang Asli dalam pembelajaran secara formal, adalah menjadi keutamaan untuk memastikan guru berkebolehan untuk mengintergrasikan nilai dan amalan masyarakat Orang Asli dalam kurikulum arus perdana. Namun, kesemua peserta kajian menyatakan bahawa: -

“...Rancangan Pengajaran Harian setiap guru adalah berdasarkan tema pembelajaran atau projek tertentu dalam KSPK Semakan 2017, namun saya sendiri tidak jelas sama ada nilai dan amalan masyarakat Orang Asli perlu diterapkan dalam kurikulum ini atau perlu mengikut sepenuhnya cadangan aktiviti bertema yang diberikan dalam kurikulum.....” (Guru A; T1: 15-17)

“...pengintergrasian nilai dan amalan masyarakat Orang Asli sangat bergantung kepada kompetensi serta keyakinan guru untuk melaksanakannya. Saya hanya menjalankan aktiviti luar bilik darjah atau projek seperti yang disarankan dalam KSPK Semakan 2017 berbanding untuk merancang mengikut kesesuaian nilai dan amalan masyarakat Orang Asli...jadi cara intergrasi nilai dan amalan masyarakat Orang Asli ini tidak sama antara seorang guru dengan guru lain...” (Guru E; T2:10-14)

“Tak pasti cam mana bentuk intergrasi kurikulum yang perlu dibuat oleh guru apabila murid menjalankan projek atau kerja kumpulan yang berteraskan kepada nilai dan amalan masyarakat Orang Asli... ikut laa cam dulu-dulu yang pernah rancang dan buat je la” (Guru F; T1:19-22)

Pengurusan Persekitaran Pembelajaran: Ruangan Pembelajaran

Peserta kajian turut menyatakan bahawa pengurusan ruangan pembelajaran semakin mengelirukan dalam KSPK semakan 2017 dilaksanakan. Kurikulum ini melibatkan penambahan aktiviti yang disarankan dalam KSPK Semakan 2017 tetapi dinyatakan bahawa ruangan pembelajaran adalah mengikut reka bentuk pembelajaran abad ke-21 yang disesuaikan dengan tunjang KSPK Semakan 2017. Berikut beberapa dapatan kajian hasil temubual yang dijalankan:

“..Bila banyak aktiviti, ruangan pembelajaran seharusnya lebih luas dan memudahkan murid bergerak, namun semasa taklimat dinyatakan bahawa perlu wujud ruangan pembelajaran bagi setiap sudut. Maka saya sendiri tak pasti apakah perbezaan dengan pengurusan ruangan pembelajaran dalam KSPK 2010. Jadi, sebagai guru, saya buat seperti apa yang saya faham la ...” (Guru D; T3:30-31)

“..Ruangan pembelajaran disetiap sudut perlu mempamerkan hasil kerja murid mengikut projek yang dijalankan. Olh itu, kena sedia banyak ruang untuk pameran hasil pembelajaran...”

Perbincangan

Berdasarkan analisis, kajian ini menunjukkan realiti sebenar yang sedang dialami oleh para guru prasekolah Orang Asli dan Pembantu Guru Prasekolah Orang Asli semasa melaksanakan KSPK semakan 2017 dalam aspek pengurusan persekitaran pembelajaran murid prasekolah. Berikut adalah perbincangan hasil dapatan kajian berdasarkan soalan kajian yang ingin diterokai:

Sebahagian besar guru prasekolah menerima baik perubahan serta penambahbaikan kurikulum yang dibuat oleh KPM dalam KSPK semakan 2017. Dapatan menunjukkan guru prasekolah bersikap positif terhadap KSPK Semakan 2017. Ini ditunjukkan oleh guru prasekolah melalui pengurusan persekitaran pembelajaran yang kompeten dalam menguruskan aktiviti pembelajaran murid dengan memberi penekanan terhadap keselamatan dan kesihatan kanak-kanak. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Erma Abu & Kwan Eu, (2014) bahawa sikap yang positif di kalangan guru prasekolah ini dapat melahirkan tindakan yang cemerlang dan berwawasan. Kajian Ramli Abd Samat (2011) menunjukkan bahawa guru yang mempunyai locus kawalan diri yang positif terhadap kurikulum dan pengajaran mempunyai inisiatif tinggi dan berperanan sebagai “pengusaha” terbaik menyebarkan kurikulum dengan menterjemahkannya dalam pengajaran. Kesiediaan guru prasekolah Orang Asli dan pembantu guru prasekolah Orang Asli untuk menerima perubahan kurikulum ini merupakan titik utama ke arah memastikan pelaksanaan kurikulum KSPK Semakan 2017 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Walau bagaimanapun, masih terdapat sebilangan kecil guru yang masih lagi menggunakan pendekatan yang sama seperti yang dilaksanakan dalam KSPK 2010. Tiada perubahan yang dilakukan dari aspek pengurusan persekitaran pembelajaran murid. Terdapat guru-guru masih memfokuskan penguasaan membaca dan menulis tanpa membenarkan murid lebih bermain seperti dalam surat siaran pekeliling KSPK semakan 2017 ini pada Disember 2016. Walau bagaimanapun analisis dapatan kajian menunjukkan semua guru kompeten dalam melaksanakan

kurikulum KSPK Semakan 2017 dengan melaksanakan pelbagai aktiviti yang disarankan dan memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan kesihatan murid semasa sesi pembelajaran. Kajian Habib Mat Som & Syed Kamaruzaman Syed Ali, (2011) menunjukkan bahawa wujudnya pertalian antara faktor dorongan psikologi dengan tahap kesediaan guru seperti aspek motivasi, tahap kemahiran dan kepuasan kerja yang memberi impak dalam mempengaruhi komitmen guru untuk melaksanakan perubahan khususnya kurikulum.

Selain itu, susun atur bilik darjah dan ruangan pembelajaran juga memberi impak terhadap pelaksanaan kurikulum KSPK Semakan 2017 oleh guru prasekolah dalam pengurusan persekitaran pembelajaran murid. Bagi memastikan matlamat kurikulum KSPK Semakan 2017 direalisasikan adalah penting untuk memberi kesedaran pada guru tentang reka bentuk susun atur dan ruangan pembelajaran serta memperlengkapkan prasarana prasekolah selaras dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran. Laporan Jabatan Pelajaran Johor (2011) mendapati guru prasekolah yang positif terhadap perubahan kurikulum dan pengajaran memainkan peranan aktif atau “pengusaha” terbaik menjayakan hasrat kurikulum semakan 2017 dengan menterjemahkannya dalam PdPc harian mereka. Sebahagian besar guru berusaha untuk menyusun atur bilik darjah dan ruangan pembelajaran seperti yang dicadangkan bagi mengotimumkan proses pengajaran dan pembelajaran. Namun, proses penyampaian maklumat serta latihan yang diberikan kepada guru masih diperingkat kurang memuaskan khususnya prasekolah Orang Asli.

Kekaburan dan kekeliruan guru prasekolah terhadap pendekatan ‘bersepadu’ dan pengintergrasian kurikulum KSPK dengan Nilai dan amalan masyarakat Orang Asli perlu diberi perhatian serious oleh pihak KPM dalam memastikan pelaksanaan KSPK Semakan (2017) berjalan dengan lancar. Pihak KPM perlu mengambil inisiatif untuk memantapkan kompetensi guru prasekolah dalam menjalankan latihan dan taklimat melalui penganjuran bengkel, kursus atau penyediaan manual pedagogi prasekolah untuk kegunaan guru prasekolah. Kajian Erma Binti Abu dan Kwan Eu, (2014) menyatakan bahawa sikap yang positif oleh beberapa responden terhadap pelaksanaan KSPK semakan 2017 menyebabkan guru prasekolah berkenaan cemerlang dalam melaksanakan tugas mereka. Maka, sebilangan besar guru prasekolah telah mengambil sikap proaktif untuk mendapatkan maklumat yang jelas serta tepat berkaitan bentuk pendekatan pembelajaran terkini yang disarankan menerusi KSPK Semakan 2017. Namun, pihak KPM perlu mengambil langkah drastik untuk memperjelaskan dan menyebarkan maklumat berkaitan pendekatan dan pedagogi yang sesuai untuk guru praktikkan bagi tujuan penyeragaman pelaksanaannya mengikut KSPK Semakan 2017. Kajian Sukani (2012) mendapati aspek pengetahuan guru-guru prasekolah pendidikan khas tentang KSPK 2010 adalah sederhana.

Implikasi Dan Cadangan

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, adalah dicadangkan supaya perkara berikut diberi perhatian bagi memastikan guru prasekolah Orang Asli dapat meningkatkan kompetensi yang diperlukan untuk cemerlang dalam melaksanakan KSPK Semakan 2017 dalam aspek pengurusan persekitaran pembelajaran:

- i. menganjurkan kursus dan latihan berkaitan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang standard mengikut KSPK Semakan 2017
- ii. menyediakan manual pengurusan ruangan pembelajaran dan susun atur bilik darjah yang yang memenuhi keperluan pengurusan KSPK semakan 2017.

- iii. taklimat dan penerangan mendalam berkaitan konsep sebenar KSPK semakan 2017 kepada pentadbir sekolah, guru-guru arus perdana dan ibu bapa bahawa KSPK semakan 2017.

Kesimpulan

Pelaksanaan kurikulum kesan perubahan sesebuah kurikulum yang baru bukanlah satu perkara yang mudah. Perubahan kurikulum secara langsung bukan sahaja melibatkan pelaksana kurikulum iaitu guru tetapi juga komuniti yang menerima impak daripada perubahan kurikulum tersebut. Maka, perhatian, penelitian dan pemantauan secara berterusan adalah perlu bagi memastikan hasrat kurikulum yang digariskan dapat mencapai sasarannya. Banyak halangan dan cabaran yang terpaksa ditempuhi untuk menjayakan misi dan visi KSPK semakan 2017 ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa semua peserta kajian mempunyai pandangan yang sama tentang beberapa perkara. Mereka berpandangan bahawa cabaran terbesar guru prasekolah apabila tidak mendapat sokongan untuk melaksanakan kurikulum baru ini daripada pihak pentadbir kerana salah faham tentang konsep dan elemen KSPK semakan 2017 daripada pelbagai pihak. Sehubungan itu, pihak yang berkaitan diharap boleh mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memberi sokongan yang lebih baik bagi sama-sama menjayakan visi dan misi KSPK semakan 2017 dan bukan hanya menyerah bulat-bulat kepada guru prasekolah Orang Asli semata-mata.

Acknowledgements

Funding of this research work is generously supported by the Fundamental Research Grant Scheme (FRGS): FP026-2017A, Ministry of Education, Malaysia.

Rujukan

- Ahamad bin Rahim, & Sidek bin Said. (2012). Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Menengah Rendah Di Malaysia – Satu Penilaian. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012*.
- Abd. Ghani, R., & Md Nor, M. (2014). Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan oleh Guru Prasekolah. *Jurnal Peradaban*, 7, 40-68. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ADAB/article/view/4807>
- Ali, A., & Mahamod, Z. (2015). Modul Pengajaran dan Pembelajaran untuk Meningkatkan Ke profesionalan Guru Prasekolah Melaksanakan Kurikulum Berpusatkan Murid dan Berasaskan Standard. In *Asean Comparative Education Research Network Conference*.
- ahmad Hazman Ali, & Mariani Md Nor. (2013). Guru Lelaki Prasekolah Sebagai Inovasi Dalam Pengajaran Pendidikan Awal Kanak-Kanak Di Malaysia: Suatu Kajian Mengenai Efikasi Kendiri. In *Seminar Penyelidikan Pendidikan Ipg*. <https://doi.org/10.1017/Cbo9781107415324.004>
- Berahim Hassan., Md. Nasir Ibrahim, Mohd Zaihidee Hj. Arshad & Jamilah Omar (2003). Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual Kbsr. *Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran Pendidikan Seni Visual Kbsr*, (C).
- Chee, J., Mariani, M. N., R, N. M. M., Mah, C., Yusof, B., Kadir, A., & Nizam, S. (2015). The Preschool Curriculum Implementation Versus Problems. *International Journal Of Early Childhood Education And Care*, 4(1), 31–43.
- Dayana Farzeeha Ali, Cheng, L. Y., & Mohd Nur Khafiz, H. (2014). Persepsi Guru-Guru Terhadap Sistem Kbsr Dan Kssr: Satu Tinjauan Dari Aspek Kurikulum, Kesediaan Guru Dan Pelaksanaannya. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan*.

- Erma Binti Abu, N., & Kwan Eu, L. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1–10.
- Habib Mat Som & Syed Kamaruzaman Syed Ali. (2011). Komitmen Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Dan Inovasi Berkesan. *Masalah Pendidikan*.
- Hashim, A., & Tamuri, A. H. (2010). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Al-Quran Di Darul Quran Jakim Dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri. *Fakulti Pendidikan*.
- Jabatan Pelajaran Johor. (2011, April). Jauhari: Transformasi Kurikulum Dan Implikasi Kepada Pemikiran Profesionalisme Guru. *Jabatan Pelajaran Johor*.
- Johari, H., & Nur Aimi, M. I. (2011). Kecerdasan Pelbagai Dikalangan Kanak-Kanak Prasekolah Serta Strategi Pengajaran Yang Digunakan Untuk Mengajar Kanak-Kanak Prasekolah. Suatu Kajian Kes. *Journal Of Science & Mathematics Education*.
- Kamaruzaman, S., Ali, S., Jani, J., Som, H. M., Mohamed, M. F., Rauf, P. A., ... Idris, S. (2011). Tahap Perancangan Dan Persediaan Guru Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 Bagi Tunjang Kecergasan Fizikal. *Jurnal Pendidikan*.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ahmad Marzuki Mohamad, & Sofiah Mohamed. (2015) *Perkembangan Potensi Murid Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Prasekolah: Satu Kajian Rintis*. In: International Language and Education Conference (ILEC) 2015, 7-8 Okt, 2015, Negeri Sembilan, Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Kspk) (Semakan 2017)*.
- Majzub, R. (2013). Critical Issues In Preschool Education In Malaysia. In *Recent Advances In Educational Technologies*. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.262>
- Mat Som, H., & Syed Ali, S. K. (2011). Komitmen Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Dan Inovasi Berkesan. *Jurnal Masalah Pendidikan*.
- Mohd Asnorhisham Adam | Abdul Rahim Hamdan. (2017). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan. Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia* (18th Ed., Vol. 18).
- Nooraini Binti Abdul Rahim, & Abdul Halim Bin Abdullah. (2017). Kesediaan Guru Matematik Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Proses Pembelajaran Dan Pengajaran Abad Ke-21. *Isu-Isu Pendidikan Kontemporari*.
- Nor Mashitah, M. R. (2017). Prestasi Standard Awal Pembelajaran Dan Perkembangan Awal Kanak-Kanak, 359. Retrieved From http://studentsrepo.um.edu.my/7829/6/Tesis_Pha110026_Nor_Mashitah.Pdf
- Nur Athirah Ariffin, & Faridah Yunus. (2017). Kesediaan Guru Prasekolah Dalam Melaksanakan Kbat Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Simposium Pendidikan Diperibadikan: Perspektif Risalah An-Nur (Sprin2017)*.
- Razali Shafie, Ed.D, & Majid, M. M. A. (2016). Patutkah Guru Pemulaan Mengajar Kelas Prasekolah. In *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan Pendidik Guru 2016 "1 Pensyarah 1 Penyelidikan"* (Pp. 1–597).
- Rosmah Abd. Ghani, & Mariani Md Nor. (2013). Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Oleh Guru Prasekolah : Data Pliminery. *International Conference On Early Childhood Education*.
- Shahrul Arba'iah Othman, Norzaini Azman, & Manisah Mohd Ali. (2008). Faktor Ibu Bapa Dalam Kecemerlangan Akademik Pelajar Pekak : Kajian Kes. *Mjli*, 5, 79–98.
- Siti Fatimah Ali, & Najeemah Mohd Yusof. (2012). Kemahiran Membaca Kanak-Kanak Dalam Aplikasi Pendekatan Belajar Melalui Bermain. *Dp. Jilid*, 121(12), 4–9.
- Sukani, M. A. Bin. (2012). Laporan Eksekutif Ecers 2012 Ipg Kkb Pentaksiran 'Kesediaan' Di Prasekolah : Isu, Cabaran Dan Amalan. In *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Peringkat Kebangsaan*.

- Suriana Ismail. (2012). *Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Mata Pelajaran Rekabentuk Dan Teknologi (Rbt) Sekolah Rendah Di Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zakiah Mohamad Ashari, Azlina Mohd. Kosnin, & Yeo Kee Jiar. (2013). Keberkesanan Modul Belajar Melalui Bermain Terhadap Kefahaman Pengalaman Pranombor Kanak-kanak Prasekolah. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*.